

U.11 - 3 JUL 19
Gagasan
Rakyat
bukti
wujudnya
demokrasi

KUALA LUMPUR, 2 Julai —
Dato' Sri Dr. Mahathir
Mohamad hari ini berkata
pendaftaran 'Gagasan Rak-
yat' membuktikan wujud-
nya demokrasi terhadap sis-
tem pelbagai parti di negara
ini.

Perdana Menteri berkata
parti-parti pembangkang
berhak untuk membentuk
gabungan itu.

"Ia bagaimanapun tidak
akan memberikan masalah
kepada Barisan Nasional,"
katanya kepada pemberita
selepas menghadiri sambutan
Maal Hijrah 1413 di Stadi-
um Negara.

Beliau ditanya mengenai
kelulusan pendaftaran 'Ga-
gasan Rakyat' April lepas
dan sama ada ia akan
memberikan saingan kepada
BN dalam pilihan raya.

Timbalan Menteri Dalam
Negeri, Dato' Megat Junid
Megat Ayub pula berkata
selain 'Gagasan Rakyat',
pendaftaran 'Angkatan Per-
paduan Ummah' turut dilu-
luskan. "Kedua-duanya
sudah didaftarkan setelah
memenuhi syarat-syarat,"
kata Megat Junid kepada
Bernama pada majlis yang
sama.

Beliau bagaimanapun ti-
dak dapat menyatakan bila
pendaftaran Angkatan dilu-
luskan.

Ia mengandungi parti-
parti Melayu dan Islam iaitu
Pas, Semangat 46, Hamim
dan Berjasa yang bergabung
menentang BN dalam pilih-
an raya umum 1990 serta
beberapa pilihan raya kecil
di Kedah, Kelantan dan Te-
rengganu selepas itu.

Gagasan Rakyat pula di-
lancarkan oleh Semangat 46
bersama-sama DAP, Barisan
Progresif India (IPF), Parti
Rakyat Malaysia (PRM) dan
Parti Solidariti Malaysia
(MSP) menjelang pilihan
raya umum lepas untuk me-
nentang BN di negeri-negeri
pantai barat Semenanjung.
— Bernama